

260
SOALAN NO.: 94

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
KAWASAN : INDERA MAHKOTA**

SOALAN:

YB. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status dan kemajuan pembinaan jalanraya "Central Spine" dan jalan menghubungkan Sungai Lembing ke Jerantut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah memberikan komitmen untuk melaksanakan Projek Central Spine Road (CSR) yang bermula dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 350km. Projek CSR ini bakal menjadi laluan alternatif yang lebih selesa dan selamat kepada pengguna yang ingin menuju ke Pahang dan Kelantan menerusi Gua Musang apabila siap kelak.

Projek CSR dilaksanakan secara berperingkat dan keutamaan kerajaan ialah untuk melaksanakan jajaran dari Gua Musang, Kelantan ke Kg. Seberang Jelai, Pahang atas aspek keselamatan dan jajaran dari Raub Bypass ke Bentong Bypass, Pahang atas aspek kesesakan lalu lintas.

Pada masa ini, sebahagian jajaran tersebut sepanjang 41.35km iaitu dari Kg. Kubang Rusa ke Kg. Seberang Jelai, Pahang telah pun siap. Jajaran yang sedang dalam pembinaan pula ialah sepanjang 48.3km dan dijangka siap secara berperingkat sehingga Oktober 2019 iaitu jajaran dari:

- (i) Mentara ke Kg. Kubang Rusa, Pahang; dan
- (ii) Kg. Asap ke Kg. Sertik serta Bentong Bypass, Pahang

Seterusnya, jajaran yang sedang dalam perolehan pula ialah sepanjang 26.5km iaitu dari:

- (i) Bulatan Gua Musang ke Mentara, Kelantan

262

(ii) Kg. Orang Asli Sg. Chandan ke Kg. Asap, Pahang

Pelaksanaan fizikal projek bagi pakej-pakej lain Projek Central Spine Road dijangka akan dilaksanakan secara berperingkat dalam RMKe-11, tertakluk kepada kelulusan peruntukan oleh Agensi Pusat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selari dengan Laporan *Highway Network Development Plan* (HNDP), Kementerian Kerja Raya telah mengenalpasti keperluan untuk membina jalan baru dari Sungai Lembing ke Jerantut, Pahang. Sehubungan itu, Kementerian telah memohon untuk Membina Jalan dari Sg. Lembing ke Jerantut daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri semasa *Rolling Plan 1* (RP1), RMKe-11. Walaubagaimanapun, cadangan projek ini tidak mendapat kelulusan Agensi Pusat dalam tempoh berkenaan.

Sekian, terima kasih.